

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK

Baca Risalah Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil Kad Akaun Kembara Perniagaan American Express®. Pastikan anda turut membaca terma dan syarat am. Sila dapatkan penjelasan daripada institusi anda jika anda tidak memahami mana-mana bahagian atau terma am dalam dokumen ini.



Kad : **Akaun Kembara Perniagaan American Express®**

1. Maklumat produk

Akaun Kembara Perniagaan American Express® ialah penyelesaian perjalanan yang menyediakan manfaat tambahan insurans perjalanan untuk anda, cara mudah yang menjimatkan masa untuk menguruskan kos perjalanan Korporat anda secara berkesan apabila perbelanjaan dapat dipantau dengan jelas agar sentiasa dalam kawalan anda. Akaun ini membolehkan anda mengenakan caj terhadap perbelanjaan perjalanan Syarikat anda menerusi satu akaun terpusat dan membolehkan pengguna mengenakan caj bagi perbelanjaan perjalanan udara kepada agensi kembara pilihan anda secara langsung.

Akaun ini ialah kad caj dengan kemudahan kredit diberikan oleh Bank kepada syarikat anda.

Kelayakan:

Akaun Kembara Perniagaan American Express®

- Semua jenis Syarikat (kecuali Pemilikan Tunggal dan Perkongsian).
- Liabiliti Tunggal: Syarikat bertanggungjawab secara mutlak atas semua liabiliti yang timbul daripada kad dan bertanggungjawab membayar semua caj.

Apakah yang akan saya peroleh daripada produk ini?

a) MENGGALAKKAN PENJIMATAN

- > Menggunakan khidmat luar bagi pentadbiran sistem pembayaran akaun yang membolehkan penstrukturan semula beban kerja.
- > Memudahkan penyelarasan dan pembayaran dengan menyepadukan fail data perbelanjaan yang terperinci ke dalam sistem pengurusan perbelanjaan anda.
- > Menyingkirkan keperluan untuk memproses beberapa invois dan menyingkirkan proses pentadbiran.
- > Meningkatkan aliran tunai sehingga 45 hari kalendar tanpa faedah bagi syarat kredit yang dilanjutkan.
- > Meningkatkan keberkesanan perundingan dengan memanfaatkan data dipertingkat yang diterima daripada Akaun Kembara Perniagaan dan/atau laporan standard MIS yang disediakan untuk menyokong proses tersebut.

b) MEMAKSIMUMKAN KAWALAN

- > Manfaat daripada kelulusan, keterlihatan dan pembayaran terpusat dengan penyata disatukan yang mengandungi data perjalanan dipertingkat.
- > Pemantauan perbelanjaan perjalanan pekerja yang mudah dan berkesan menggunakan data yang terperinci dan bidang rujukan yang anda tentukan sendiri secara khusus seperti Nombor Pusat Kos.
- > Memudahkan penerangan tentang penyelesaian fleksibel yang menggunakan proses semasa dan menyediakan sumber perbelanjaan perjalanan tunggal yang boleh diaudit.
- > Memastikan pematuhan dengan melantik Syarikat Pengurusan Pelancongan khusus dan mendapatkan maklumat perjalanan terperinci.
- > Meminimumkan pendedahan dengan mengurangkan perbelanjaan yang tidak dibenarkan (personel dan agen kembara yang sah sahaja) dan menetapkan had akaun.

c) MANFAAT UNTUK PEKERJA

- > Memudahkan pemprosesan tempahan dan perbelanjaan perjalanan udara.
- > Menyingkirkan proses pembayaran balik dan pendahuluan tunai yang rumit dengan mewujudkan proses pengurusan perjalanan yang mudah dan berkesan.
- > Perkhidmatan Pelanggan Berdedikasi di Peringkat Syarikat dan Pelanggan.
- > Menerima perlindungan kemalangan, bagasi dan perlindungan pemilikan perjalanan perniagaan percuma.
- > Melindungi pengembara dengan Bantuan Global American Express.

2. Apakah obligasi saya?

- Caj bayaran lewat akan dikenakan sekiranya Syarikat atau Pemegang Kad gagal membuat pembayaran PENUH pada atau sebelum tarikh genap tempoh seperti yang dinyatakan dalam penyata.
- Syarikat atau Pemegang Kad hendaklah memaklumkan kepada Maybank dalam tempoh 20 hari dari tarikh tutup tempoh bil seperti yang dinyatakan dalam penyata akaun sekiranya terdapat pertikaian atau percanggahan.
- Syarikat atau Pemegang Kad hendaklah mengambil semua langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk mengelakkan kecurian atau penyalahgunaan Akaun Kembara Perniagaan. Syarikat atau Pemegang Kad hendaklah memaklumkan kepada Maybank dengan segera melalui telefon, faksimile atau e-mel sebaik sahaja mengetahui dan mengesahkan berlakunya perkara tersebut secara bertulis kepada Maybank.
- Tempoh tanpa faedah: Sehingga 45 hari dari tarikh penyata bil bulanan, dengan syarat tiada baki yang belum dijelaskan dalam akaun kad caj.
- Cukai Perkhidmatan sebanyak RM25 yang dikawal oleh Akta Cukai Perkhidmatan 2018 hendaklah dikenakan pada setiap Kad Credit/Caj Utama dan Tambahan setelah kad dikeluarkan dan ketika ulang tahun kad berkuat kuasa pada 1 September 2018.

3. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?

Fi Tahunan	Tiada caj.
Caj Bayaran Lewat	Kadar rata 3.5% daripada jumlah baki yang belum dijelaskan atau minimum RM40.00, mengikut mana-mana lebih tinggi.
Cek Tak Laku	RM100.00.
Fi mendapatkan semula draf jualan	Draf Jualan Asal dengan bayaran RM15.00 satu salinan.
Fi permintaan penyata	Permintaan Penyata Kad Caj - Ringgit Malaysia Lima (RM5.00) satu salinan bagi setiap bulan (tempoh penyata bagi 2 tahun) dan Sepuluh Ringgit Malaysia (RM10.00) satu salinan bagi setiap bulan (tempoh penyata lebih daripada 2 tahun).
Kadar penukaran urus niaga luar negara	Semua caj luar negara yang ditukarkan oleh American Express menggunakan fakor pertukaran 2% kepada jumlah yang ditukarkan. Caj yang dilakukan dalam mata wang luar selain Dolar AS akan, apabila pertukaran dilakukan oleh American Express, ditukarkan kepada Dolar AS sebelum ditukarkan kepada mata wang bil Pemilik Kad.
Cukai perkhidmatan	Kad Prinsipal: RM25 setiap Kad Nota: Cukai Perkhidmatan akan dikenakan kepada setiap Kad Kredit/Caj Utama dan Tambahan setelah kad dikeluarkan dan ketika ulang tahun kad.

4. Bagaimana jika saya gagal memenuhi obligasi saya?

- Caj bayaran lewat: 3.5% daripada keseluruhan baki yang belum dijelaskan atau minimum RM40.00, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.
- Hak tolakan: Kami berhak menolak apa-apa baki kredit dalam akaun anda yang dikekalkan dengan kami bagi apa-apa baki yang belum dijelaskan dalam akaun kad caj ini dengan memberikan notis tujuh (7) hari kalendar terlebih dahulu tentang hasrat kami untuk membuat tolakan.
- Liabiliti Tunggal: Syarikat bertanggungjawab secara mutlak bagi semua liabiliti yang timbul daripada kad; dan bertanggungjawab untuk membayar semua caj pemegang kad.
- Jika anda gagal mematuhi terma dan syarat kad caj ini, kami berhak menamatkan kad anda.
- Maybank akan menggantung penggunaan kad jika pembayaran PENUH tidak diterima dalam tempoh 60 hari selepas tarikh genap tempoh pembayaran sebelumnya.

5. Apakah risiko utama?

- Caj bayaran lewat: 3.5% daripada keseluruhan baki yang belum dijelaskan atau minimum RM40.00, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.
- Jika anda mempunyai masalah untuk membayar baki kad caj anda, hubungi kami lebih awal untuk membincangkan alternatif pembayaran balik.
- Anda hendaklah memaklumkan kepada kami dengan segera setelah anda menyedari kad caj anda hilang atau dicuri.

6. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan pada butiran perhubungan saya?

Adalah penting bagi anda memaklumkan kepada kami tentang apa-apa perubahan pada maklumat peribadi anda untuk memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya. Untuk mengemas kini maklumat peribadi anda, anda boleh hubungi kami melalui salah satu saluran berikut:-

- Telefon **1800 88 9559** (panggilan dalam Malaysia) or **+603-7844 3595** (panggilan dari luar Malaysia)
- Emel **corpsvc@maybank.com.my**
- Secara bertulis untuk perhatian **Ketua, Perhubungan Pelanggan**
Tingkat 7, Menara Maybank, 100 Jalan Tun Perak, 50050 Kuala Lumpur
- Mana-mana Cawangan Maybank yang berdekatan

7. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

- i. Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan atau pertanyaan tentang kad caj, sila rujuk laman web **www.americanexpress.com.my** atau **www.maybank2u.com.my** atau hubungi **1800 88 9559**
- ii. Jika kami tidak dapat menyelesaikan pertanyaan atau aduan anda dengan memuaskan, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:-
Bank Negara Malaysia Blok D, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur. Tel: **1300 88 5465** • Emel: **bnmtelelink@bnm.gov.my**
- iii. Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma tentang pengurusan wang, kaunseling kredit dan penstrukturan semula hutang bagi individu di:-
Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)
Tingkat 1, Menara Aras Raya, Jalan Raja Laut, City Centre, 50350 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Tel: **03-2616 7766**

8. Adakah terdapat produk Kad Caj yang lain?

- Kad Hijau Korporat American Express
- Kad Emas Korporat American Express
- Kad Pembelian American Express
- Kad Mesyuarat American Express

NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIKENAKAN TERHADAP ANDA JIKA ANDA TIDAK MENERUSKAN PEMBAYARAN BALIK BAKI KAD CAJ ANDA

Maklumat yang disediakan dalam risalah pendedahan ini dikeluarkan pada Mac 2025 dan sah sehingga semakan semula berkala yang seterusnya.